

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Islam
Sent: Monday, December 21, 2015 9:37 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TAZKIRAH MINGGU INI



21 Disember 2015 / 9 Rabiulawwal 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera

YBhg. Dato' / Prof / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan

PUSAT ISLAM ONLINE:

Tazkirah minggu ini untuk renungan bersama:

Hari Kelahiran Rasulullah S.A.W

Daripada Abu Qatadah al-Ansari berkata: Rasulullah SAW ditanya oleh sahabat tentang kelazimannya berpuasa pada setiap hari Isnin. Maka baginda bersabda: *"Padanya aku dilahirkan dan padanya wahyu pertama diturunkan kepada ku".* (Riwayat Muslim)

Huraian Hadith:

1) Merayakan maulid rasul termasuk dalam rangka memuliakan Rasulullah S.A.W dan sesiapa yang meraikannya diberikan pahala oleh Allah S.W.T. Begitu juga menyambut hari-hari kebesaran Islam yang lain seperti Maal Hijrah, Nuzul al-Quran, Hari Raya Puasa dan Haji, Nisfu Syaaban dan sebagainya.

2) Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Haj ayat 32 yang maksudnya : *"..dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah, maka (dialah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu adalah satu kesan daripada sifat-sifat hati yang bertaqwa kepada Allah"*

3) Rasulullah S.A.W adalah merupakan syiar atau tanda kebesaran Allah S.W.T kerana dengan kelahiran Rasulullah S.A.W, dunia mengetahui tentang keesaan Allah S.W.T. Sesungguhnya Allah menyuruh kita mengambil pengajaran di atas peristiwa keputeraan Rasulullah S.A.W ini kerana ia akan memperkukuhkan keimanan dan kecintaan kita terhadap diri baginda dan meneruskan perjuangannya serta tidak melupakan ajaran dan sunahnya.

4) Mengucapkan selawat ke atas Nabi S.A.W seperti dalam majlis maulidurrasul adalah amalan yang amat digalakkan dalam Islam kerana Allah sendiri telah berfirman yang maksudnya *"Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi. Wahai orang beriman, hendaklah kalian berselawat baginya dan mengucapkan salam penghormatan kepadanya."* (Al-Ahzab:56)

5) Ulama telah sepakat memandang baik amalan menyambut maulidurrasul S.A.W. Tujuannya tidak lain melainkan untuk memperingati, mengagungkan, dan memuliakan Rasulullah SAW.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Ustazah Madidah bt Mohamed Ibrahim/ Ustaz Syahril Fazli bin Mat Hussain, Unit Penerbitan, Penyelidikan dan Perundingan Pusat Islam UUM di talian 04-9282558/2567.

DARIPADA :

PUSAT ISLAM UUM

KOMPLEKS PUSAT ISLAM,

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,

06010 UUM SINTOK, KEDAH

Tel : 04-928 2560/2551

Faks : 04-928 2561/2552

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM

Twitter: Pusat Islam UUM@PusatIslamUUM14



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.

(Please don't print this e-mail unless necessary).